

**PERUTUSAN YBRS. TUAN Pengerusi SEMPENA
MESYUARAT PENUH BULANAN MPT BIL. 4/2019
BERTARIKH 31 MEI 2019**

1.0 MPT MENERIMA ANUGERAH MAJIKAN PRIHATIN OLEH CUEPACS

MPT telah menerima Anugerah Majikan Prihatin Peringkat Negeri Perak sempena Sambutan Hari Pekerja Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) 2019 pada 2 Mei 2019 bertempat di Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak. Anugerah ini adalah bagi menghargai majikan yang prihatin terhadap kebajikan dan hal ehwal kakitangannya.

Ia juga merupakan hasil usaha MPT yang sentiasa menjaga kebajikan warga kerja dalam usaha mewujudkan keharmonian diantara majikan dan kakitangan.

Anugerah disampaikan oleh YB Menteri Sumber Manusia, M. Kulasegaran, YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Hal Ehwal Pengguna, Masyarakat Sivil, Integrasi Nasional dan Sumber Manusia, Tuan A. Sivanesan dan Presiden CUEPACS, Dato' Azih bin Muda, dan barisan EXCO Kerajaan Negeri Perak. MPT menerima hadiah berupa piala iringan, sijil dan wang tunai bernilai RM 1,500.

2.0 PROGRAM ZIARAH RAMADAN BERSAMA YDP

Sebanyak 21 kakitangan dan pesara MPT daripada golongan kurang bernasib baik dan berpendapatan rendah menerima sumbangan sempena Program Ziarah Ramadan bersama YDP pada 27, 29 dan 30 Mei 2019.

Nilai setiap sumbangan adalah RM50 berupa barangan keperluan dan wang tunai sebanyak RM250 untuk setiap keluarga. Sumbangan adalah berbentuk barangan makanan kering seperti beras, minyak masak, gula, sardin, dan sebagainya bagi menjamin menu harian yang sihat.

Diharap dengan usaha ini kerunsingan dan kebimbangan yang dialami oleh mereka sedikit sebanyak dapat dikurangkan dengan bekalan makanan yang diberikan.

Program ini merupakan komitmen secara berterusan untuk membantu dan merapatkan ukhwah di antara pihak pengurusan dan kakitangan serta pesara MPT.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Bank Islam Cawangan Taiping, FAMA Perak Utara dan Pejabat ADUN Pokok Assam yang sudi menaja barang keperluan dapur bagi menjayakan program ini.

3.0 OPERASI IKLAN HARAM OLEH MPT DENGAN KERJASAMA PDRM IPD TAIPING

Sebanyak 500 iklan haram telah diturunkan dalam operasi selama dua jam yang dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan MPT dengan kerjasama Unit Jenayah Komersial PDRM IPD Taiping pada 29 Mei 2019 di taman-taman perumahan dan di sekitar kawasan pentadbiran MPT.

Operasi yang diketuai Tuan Musnarizal Abd Manap membabitkan 15 anggota Penguatkuasa MPT dibantu dengan 5 anggota PDRM itu dilakukan di sekitar Pekan Taiping, Aulong, Kamunting.

Sasaran utama operasi ini dilakukan adalah untuk menurunkan iklan tanpa kelulusan, pinjaman wang berlesen dan tamat tempoh di tiang-tiang lampu dan persimpangan. Kesalahan termaktub dalam Akta kerajaan Tempatan 1976 di bawah Undang-undang Kecil Iklan MPT 2013 seksyen 7; yang mana tiada seseorang pun boleh mempamerkan atau mendirikan atau menyebabkan dipamerkan atau didirikan mana-mana iklan tanpa lesen yg dikeluarkan oleh Majlis di bawah undang-undang kecil ini

4.0 SIARAN LANGSUNG PERLAWANAN AKHIR LIGA JUARA-JUARA EROPAH

Semua warga Taiping dijemput untuk menghadiri tayangan 'Big Screen' siaran langsung perlawanan akhir Liga Juara-juara Eropah, Tottenham Hotspur FC menentang Liverpool FC, Juara 5 kali dan juga

finalis tahun lalu pada 2 Jun 2019 bertempat di Dataran Warisan pada jam 2.45 pagi. Antara acara sampingan adalah acara Sahur Perdana dengan 1000 bungkus Nasi Lemak dan air minuman akan diedarkan kepada orang awam. Program ini adalah tajaan YB Tuan Nga Kor Ming, Timbalan Yang di-Pertuan Dewan Rakyat merangkap Ahli Parlimen Teluk Intan dan ADUN Aulong, YB Tuan The Kok Lim, Ahli Parlimen Taiping, YB Ir. Dr. Tuan Muhd Fadhil Nuruddin, ADUN Kamunting, dan YB Tuan Leow Thye Yih, ADUN Pokok Assam.